

30 JUN 2000

Mahathir-Media/I

NEGARA ISLAM HARUS DAPAT LAPORAN BERITA TERUS DRP SUMBER, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara-negara Islam harus mendapatkan laporan berita daripada satu sama lain bagi memperolehi gambaran yang lebih jelas mengenai apa yang berlaku di dunia Islam.

Katanya mereka tidak harus bergantung kepada agensi-agensi berita Barat bagi mendapatkan laporan berita, yang kebanyakannya adalah berat sebelah.

"Jika tidak ada kepercayaan kepada agensi berita kita sendiri, kita akan cenderung menyiarkan apa yang diedarkan oleh perkhidmatan berita Barat, dan akibatnya kita tidak akan mendapat sekurang-kurangnya satu pandangan alternatif," katanya semasa sesi dialog pada Seminar dan Dialog Antarabangsa "Memperluaskan Pemahaman Media mengenai Islam".

Seminar tiga hari itu diadakan di Institut Pemahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini.

Dr Mahathir berkata media Barat mempunyai agenda mereka sendiri dan hanya melaporkan apa yang sesuai untuk agenda mereka.

Katanya negara-negara Islam harus menggunakan perkhidmatan agensi berita nasional yang terdapat di negara-negara Islam lain.

Perdana Menteri juga berharap untuk melihat pemulihan Agensi Berita Islam Antarabangsa (IMNA) dan menggesa semua negara Islam melanggan berita agensi itu bagi memastikan kejayaannya.

Seminar dan dialog itu adalah antara perkara yang disasarkan untuk membetulkan imej Islam yang telah digambarkan secara salah oleh media asing dan tempatan, selain memperluaskan pemahaman Islam dan umatnya di kalangan masyarakat media berita dengan menimbang beberapa kepercayaan yang penting.

Ia disertai oleh wakil-wakil agensi media termasuk La Vie (Paris), The Australian, International Herald Tribune, Die Woche (Jerman), United Press International, Financial Times dan Asiaweek.

Terdahulu, dalam ucapan perasmian dan ucapnama beliau, Dr Mahathir berkata banyak kejadian menunjukkan media tidak adil dan bersikap diskriminasi terhadap Islam, dan mereka telah menjadikan Islam sebagai agama yang telah disalah faham dan dikecam oleh bukan Islam untuk sebab yang tidak baik.

Satu contoh diskriminasi media terhadap Islam ialah dengan menstreotaipkan dan melabelkan berita seperti keganasan mempunyai kaitan dengan agama Islam, sedangkan bukan Islam yang terlibat dalam keganasan tidak dikaitkan dengan agama mereka walaupun mereka melakukan kejahatan di atas nama dan kepentingan agama yang tertentu.

Dr Mahathir berkata media mempunyai peluang besar untuk membetulkan silap maklumat dan persepsi salah mengenai Islam serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih meluas antara umat Islam dan penganut agama lain.

Dengan berbuat demikian, mereka boleh membawa keharmonian dan keamanan kepada dunia, kata beliau.

"Saya mengakui bahawa kita, umat Islam, juga harus disalahkan di atas imej buruk yang kita ada. Mereka adalah di antara kita yang bertindak sewenang-wenangnya untuk menyebabkan Islam dikecam oleh pihak lain. Mereka berbuat demikian atas nama Islam. Tetapi apa yang mereka lakukan adalah tidak bercirikan Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata umat Islam bersedia untuk membetulkan imej buruk itu tetapi mereka memerlukan kerjasama daripada media, terutamanya media Barat.

"Jika seseorang itu melihat sekelilingnya, dia akan melihat bahawa di mana-mana umat Islam adalah ditindas, dihalau dari tanah mereka sendiri, dan malahan adalah diaspora moden," kata beliau.

Cerita mengenai mereka yang perlukan simpati dan dilindungi, harus diberitahu kepada umum, sebaliknya mereka secara umum dituduh menindas dan

wajar menerima nasib yang dialami mereka itu.

"Dengan penganas yang mendukung kepercayaan Islam dipanggil sebagai penganas Islam, tiada siapa pun yang bercakap mengenai umat Islam yang telah ditindas, dibunuh dan dihalau daripada tanah air mereka sebagai mangsa Islam," kata beliau.

Perdana Menteri berkata umat Islam yang ditindas, kadang kala bangkit menentang dalam keadaan yang tertekan dan melakukan perbuatan ganas tetapi bukan mereka sahaja yang berbuat demikian atas rasa marah dan kecewa.

"Bolehkah cerita mereka diberitahu secara tepat, tanpa berat sebelah, tanpa kritikan yang lazim dilakukan? Bolehkan sebab-sebab tindakan kejam mereka itu diberitahu? Bolehkah ada satu gambaran yang menunjukkan cara mereka dikasari, penindasan mereka oleh musuh, kesengsaraan mereka?" tanya beliau.

Keganasan, kata Dr Mahathir, bukan dicipta oleh umat Islam tetapi mereka mempelajarinya daripada bukan Islam.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak meminta media untuk bersikap berat sebelah dengan memihak kepada mereka tetapi hanya meminta laporan yang adil dan sekurang-kurangnya selepas laporan berat sebelah terhadap mereka dibuat, mereka harus diberikan peluang untuk menyatakan penjelasan mereka.

"Media sangat berpengaruh. Apabila mereka bertindak bersama, mereka adalah lebih berkuasa. Dan kuasa seperti mana yang kita ketahui adalah korup. Kuasa mutlak media Barat itu adalah hampir korup," katanya.

Beliau berkata media mempunyai satu peranan besar dalam pembangunan budaya kampung dengan umat Islam dan bukan Islam hidup dan bekerjasama serta berkongsi hasil penat lelah mereka secara adil dan saksama.

-- BERNAMA

AFY NAK